



Agong terima menghadap Perdana Menteri

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim di Istana Bukit Tunku, Kuala Lumpur, semalam.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri menyembah maklum kepada Seri Paduka Baginda mengenai perkembangan semasa hal ehwal

negara serta perkara-perkara berkaitan pentadbiran dan kesejahteraan rakyat.

Anwar dalam perkongsian di akaun media sosialnya berkata, beliau turut menyembah maklum mengenai usaha berterusan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat sentiasa

terpelihara.

"Dalam pertemuan tersebut, saya turut mempersembahkan perkara-perkara berkaitan urusan pentadbiran kerajaan serta ikhtiar berterusan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara. Semoga negara tercinta ini terus dikurniakan

keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan," katanya.

■ **SULTAN** Ibrahim ketika menerima menghadap Anwar Ibrahim di Istana Bukit Tunku, Kuala Lumpur, semalam. - **FACEBOOK/SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR**